

29/01/1999

Rakyat faham konsep bayar tol

KUALA LUMPUR, Khamis - Pelbagai saranan dikemukakan berhubung keputusan kerajaan menangguhkan pembinaan semua lebuhraya sehingga rakyat menerima dan memahami konsep pembayaran tol.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bandar Majlis Belia Malaysia (MBM), Norizan Shariff, berkata lebuhraya boleh dibina tetapi laluan atau jalan alternatif perlu disediakan bagi meringankan beban pengguna yang berpendapatan rendah.

Beliau yakin rakyat sudah lama menerima dan memahami konsep pembayaran tol, tetapi isu yang dibangkitkan selama ini ialah kadar bayaran tol terlalu tinggi.

Norizan memberi contoh kadar tol di Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) yang mula beroperasi Isnin lalu, membebankan pengguna yang tinggal berhampiran kawasan itu dan yang sering berulang alik menggunakan laluan itu.

"Cuba kita bayangkan berapa banyak tol perlu dibayar ketika menggunakan jalan raya di sekitar Lembah Klang. Rakyat sebenarnya bersedia menerima lebuhraya bertol yang menghubungkan antara negeri di Semenanjung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung penangguhan pembinaan semua lebuhraya swasta baru termasuk Lebuhraya Pantai Timur sehingga rakyat menerima dan memahami konsep pembayaran tol.

Norizan berkata, pembinaan lebuhraya perlu diteruskan kerana bagi menjimatkan kos pengangkutan, melancarkan perjalanan, mengurangkan kemalangan dan mengelakkan harga barangan meningkat.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pula mencadangkan kerajaan menyeragamkan kadar tol di peringkat kebangsaan dan jalan raya bandar dengan mengeluarkan formula pengiraan tol sebenar.

Presidennya, Senator Zainal Rampak, berkata kerajaan perlu peka mengenai keperluan dan kehendak rakyat kerana kenaikan kadar tol akan memberi kesan ke atas harga barangan dan perkhidmatan.

Sementara itu, Persatuan Penjaja Kecil Melayu Wilayah Persekutuan mencadangkan kerajaan membenarkan pengguna lebuhraya memiliki ekuiti dalam syarikat yang mendapat konsesi mengendalikan lebuhraya.

Ahli jawatankuasa persatuan itu, Ahmad Marbawi berkata setiap pengguna lebuhraya sepatutnya dibenarkan memiliki ekuiti sekurang-kurangnya RM1,000 dan membayar secara ansuran bagi yang tidak mampu.

"Dengan cara ini, kadar tol boleh dikurangkan kerana keputusan mengenainya tidak dibuat oleh segelintir pemegang saham dalam syarikat konsesi lebuhraya itu," katanya.

Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) pula meminta kerajaan membuat penelitian terlebih dahulu sebelum melaksanakan atau menandatangani sesuatu perjanjian membabitkan kebajikan dan kepentingan rakyat.

Speaker PMUM, Naim Fahmi Ahmad Tajuddin berkata, kadar tol yang tinggi membebankan pengguna kerana kos hidup akan turut meningkat.

(END)